

 ipoh cargo terminal	No Rujukan : PEKELILING ICT-OP-172019
	Tarikh Kuatkuasa: 05 FEB 2020

**GARIS PANDUAN
TATACARA AKTVITI TIMBANG**

Disediakan Oleh Tandatangan: 	Disahkan Oleh Tandatangan: 
Nama: KAMARUL BIN OMAR	Nama: HJ HILMI BIN HASAN
Jawatan: PENGURUS OPERASI	Jawatan: KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SINGKATAN

MT	-	KONTENA KOSONG
ICT	-	IPOH CARGO TERMINAL SDN BHD
COT	-	CUT OFF TIME
FA	-	EJEN PENGHANTARAN
SA	-	EJEN PERKAPALAN
VARIANCE	-	PERBEZAAN BERAT SHIPPER VGM DAN ICT VGM

1.0 TUJUAN.

Tatacara ini menerangkan garis panduan aktiviti timbang di ICT Ipoh.

2.0 TATACARA

2.1 Permohonan untuk menjalankan aktiviti timbang adalah seperti berikut:

2.1.1 Kontena Eksport

2.1.1.1 Pihak FA / SA / Shipper atau Unit CSR ICT perlu menghantar permohonan untuk mendapatkan VGM (VGM Booking) dengan memasukkan maklumat '*Export Booking*' ke dalam Sistem *MY1PORT*.

2.1.1.2 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu memuat turun maklumat VGM Booking menggunakan sistem *CMS_VGM* dan memberikan maklumbalas mengenai penerimaan *booking* tersebut.

2.1.2 Kontena Stuffing

2.1.2.1 Pihak Gudang perlu memasukkan maklumat '*Export Booking*' ke dalam sistem '*Flex List*'.

2.1.3 Lain-lain kontena berkargo

2.1.3.1 Pihak FA / SA / Shipper akan membuat permohonan untuk mendapatkan VGM dengan menghantar e-mel kepada Penyelia Operasi.

2.1.3.2 Penyelia Operasi akan memberikan maklumbalas berkenaan penerimaan tersebut.



2.2 Proses menimbang kontena Eksport dengan menggunakan lori adalah seperti berikut:

2.2.1 Kontena Eksport tiba di jambatan timbang menggunakan haulier.

2.2.2 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks dan pihak keselamatan akan melakukan pemeriksaan.

2.2.3 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu melakukan semakan permohonan VGM untuk kontena tersebut.

2.2.3.1 Jika tiada permohonan VGM, kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu memaklumkan kepada pihak yang terlibat untuk melakukan permohonan VGM.

2.2.3.1.1 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu mengemaskini maklumat VGM ke dalam sistem setelah permohonan VGM dikemaskini.

2.2.4 Jika lori yang ditimbang membawa 1 unit kontena, pengiraan ICT VGM dibuat berdasarkan kaedah berikut :

ICT VGM = berat lori dan 1 unit kontena
– BTM Lori
– BTM Trailer

2.2.5 Jika lori yang ditimbang membawa 2 unit kontena (*Back to Back*), pengiraan ICT VGM dibuat berdasarkan kaedah berikut :

1st Weight = Berat lori dan 2 unit kontena
2nd Weight = Berat lori dan 1 unit kontena

ICT VGM kontena pertama = 1st Weight – 2nd Weight

ICT VGM kontena kedua = 2nd Weight

- BTM Lori
- BTM Trailer

2.3 Proses menimbang kontena Eksport dengan tanpa menggunakan lori adalah seperti berikut:

2.1.1 Kakitangan ICT perlu memberi arahan menggunakan Borang Handling Instruction (seperti di lampiran 1) kepada pihak Kontraktor Pengendalian Terminal sebelum memulakan proses menimbang.

2.1.2 Kontraktor Pengendalian Terminal perlu mendapatkan kebenaran daripada kakitangan Bahagian Gate Kompleks sebelum memulakan aktiviti menimbang.

2.1.3 Kontraktor Pengendalian Terminal akan meletakkan kontena di atas jambatan timbang dan memaklumkan kepada kakitangan Bahagian Gate Kompleks.

2.1.4 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks akan mengambil bacaan berat kontena VGM yang ditimbang.

2.1.5 VGM akan dikira berdasarkan bacaan terus berat yang dipaparkan pada skrin penimbang dan merekodnya pada buku log VGM.

2.1.6 Borang Handling Instruction perlu diserahkan semula kepada pihak ICT setelah kerja selesai.

- 2.4 Kaedah penentuan VGM sama ada ICT VGM atau SHIPPER VGM
- 2.4.1 Jika pihak FA / SA / Shipper tidak mengisytiharkan SHIPPER VGM dalam permohonan, VGM adalah berdasarkan ICT VGM.
- 2.4.2 Sebaliknya, jika pihak FA / SA / Shipper mengisytiharkan SHIPPER VGM dalam permohonan, penentuan VGM adalah berdasarkan syarat berikut:
- 2.4.2.1 Jika variance $\leq 5\%$, VGM akan diambil berdasarkan berat yang diisytiharkan.
- 2.4.2.2 Jika variance $> 5\%$, VGM akan diambil berdasarkan berat di ICT.
- 2.5 Kaedah penentuan had maksima kontena Eksport adalah seperti berikut:
- 2.5.1 Kontena eksport akan dikategorikan sebagai Overweight berdasarkan kriteria berikut:
- 2.5.1.1 Jika VGM melebihi had MGW.
- 2.5.1.2 Bagi kontena yang akan di Eksport ke Sabah atau Sarawak, had maksima VGM adalah 25 tan.
- 2.5.2 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu memaklumkan penyelia operasi dan mengarahkan kontraktor pengendalian terminal untuk menurunkan kontena tersebut di hadapan pejabat operasi
- 2.6 Kakitangan Bahagian Gate Kompleks perlu mengemaskini rekod VGM ke dalam sistem CMS, CMS_VGM dan memuat naik data VGM ke dalam sistem PKNET untuk rujukan pelanggan.



2.7 Proses penyaluran maklumat VGM kepada Pihak Terminal di Pelabuhan Klang.

2.7.1 Kontena Di Eksport Melalui Jalanraya

Penyaluran maklumat VGM bagi kontena eksport melalui jalanraya adalah terhad kepada kontena eksport yang diisytiharkan kepada pihak kastam ICT.

Bagi kontena yang di isytiharkan kepada pihak kastam di Pelabuhan Klang, penyaluran VGM perlu dilakukan sendiri oleh pihak FA / SA / Shipper.

Kaedah penyaluran maklumat VGM bagi eksport melalui jalanraya adalah seperti berikut :

2.7.1.1 Kakitangan Bahagian Eksport akan mencetak VGM slip melalui sistem terminal.

2.7.1.2 Kakitangan Bahagian Eksport akan membuat VGM booking melalui sistem Northport Online untuk kontena yang akan memasuki Terminal Northport dan menggunakan sistem E-Terminal untuk kontena yang akan memasuki Terminal Westports.

2.7.2 Kontena yang di eksport melalui tren.

2.7.2.1 Kakitangan Bahagian IT akan mengemaskini rekod VGM ke dalam LTL.



2.7.2.2 Kakitangan Bahagian Eksport akan menghantar LTL kepada Kakitangan Port Klang melalui e-mel atau fax.

2.7.2.3 Kakitangan Port Klang akan mengemaskini maklumat VGM kepada Pihak Terminal.

3.0 KUATKUASA.

Pekeliling ini akan berkuat kuasa serta merta.

